

Pameran Eksklusif Tugu Negara singkap sejarah

BH - 1/12/2022 uls: 16

Arkib Negara Malaysia, Kedutaan Austria ambil inisiatif anjur program

Oleh Nuratikah Athilya Hassan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tugu Negara yang siap dibina pada 1966 sebagai lambang penghormatan kepada lebih 11,000 perajurit yang terkorban, turut menjadi bukti sejarah hubungan diplomatik di meterai Malaysia dan Austria.

Sebagai memperingati hubungan termeterai sejak enam dekad lalu itu, Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama Kedutaan Austria di Malaysia ambil inisiatif menganjurkan Pameran Eksklusif Tugu Negara.

Uniknya, Tugu Negara dipilih khusus untuk pameran bermula semalam hingga hujung tahun ini mengambil kira kisah di sebalik monumen ikonik itu yang terhasil atas kerjasama Perdana Menteri Malaysia pertama, Tunku Abdul Rahman dan pengukir Austria, Felix de Weldon.

Menariknya, anak kepada pengukir Austria itu, Daniel de Weldon turut diterbangkan khu-



sus dari Los Angeles sempena Pameran Eksklusif Tugu Negara itu dengan turut dihadiri Duta Besar Austria, Andreas Launer.

Impak kepada rakyat

Selain memaparkan kronologi pembinaan Tugu Negara, pameran turut mempersembahkan bual bicara bertajuk *Tugu Negara: Cetusan Ilham YTM Tunku Abdul Rahman Putra* yang menjelaskan idea asal serta impak kepada rakyat menerusi perspektif tokoh pembicara.

Mengulas pembinaan Tugu Negara, Ketua Pengarah Arkib Ne-

gara Malaysia, Datuk Jaafar Sidek Abdul Rahman, berkata ia bermula apabila Tunku Abdul Rahman melakukan lawatan rasmi pertama ke Amerika Syarikat (AS) pada 25 Oktober 1960, di mana beliau mendapat ilham apabila melihat Memorial Iwo Jima dihasilkan Felix yang dibina sempena Perang Dunia Kedua di Gunung Surabachi di Jepun.

“Tunku berhasrat membangunkan monumen sama bagi menghargai jasa anggota tentera yang berkorban dan beliau meminta Felix membinanya bagi memperingati 12 tahun Malaya ber-

juang menentang komunis.

“Beliau menerima surat daripada Felix melampirkan lakaran tujuh patung perajurit mengikut reka bentuk diilhamkan olehnya.

“Pada 13 Disember 1960, Tunku memanggil 24 askar dan polis pelbagai kaum serta lengkap berpakaian seragam peronda hutan serta tiga jurugambar. Foto mereka dirakam sebagai rujukan kepada Felix supaya lebih jelas mengenai gambaran sebenar Tugu Negara diinginkan,” katanya.

Jaafar berkata, Tunku difahamkan menjemput pereka arca itu untuk berbincang serta membuat tempahan tukang gangsa, sekali gus memutuskan penggunaan bahan granit mutiara zamrud yang digilap sebagai tapak asas pembinaan Tugu Negara.

“Sepanjang proses pembinaan Tugu Negara, Tunku dan Felix kerap melawat tapak pembinaan berkenaan bagi memastikan proses membangunkannya lancar.

“Selepas genap enam tahun Tugu Negara siap dibina dan dirasmikan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ismail Nasiruddin Shah pada hari ulang tahun kelahiran Tunku, iaitu 8 Februari 1966,” katanya.

Jaafar berkata, Arkib Negara berharap penganjuran program seumpama ini dapat menyebarkan maklumat sejarah serta mendekatkan rakyat dengan tokoh negarawan, terutama bekas Perdana Menteri.